

PENYENGGARAAN LALUAN KECEMASAN DI DALAM  
BANGUNAN DAN PEMATUHAN PERUNTUKAN UNDANG -  
UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984

AIRENNIZAH BINTI OTHMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## **ABSTRAK**

Pada masa kini, kebakaran merupakan satu topik utama yang seringkali mendapat perhatian samada melalui media massa atau elektronik. Kebakaran boleh menyebabkan harta benda musnah dan kerugian yang bernilai berjuta-juta ringgit. Selain itu, kebakaran juga boleh menyebabkan kecederaan dan kehilangan nyawa. Menyedari betapa bahaya kebakaran boleh membawa penderitaan kepada mangsa-mangsanya, kebakaran itu boleh sebenarnya boleh dielakkan melalui langkah persediaan dan pencegahan kebakaran yang berkesan. Aspek keperluan keselamatan kebakaran di dalam sesebuah bangunan adalah perkara penting yang perlu diambilkira bagi mengelakkan dan mengurangkan risiko kebakaran. Laluan kecemasan adalah salah satu daripada keperluan keselamatan kebakaran yang perlu diberi perhatian. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti samada laluan kecemasan disenggara dengan baik dan komponen laluan kecemasan di dalam bangunan mematuhi peruntukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 dan mampu berfungsi dengan baik. Skop kajian adalah tertumpu kepada bangunan pejabat bertingkat di sekitar Johor Bahru. Di dalam kajian literatur diterangkan perkara-perkara berkaitan laluan kecemasan dan penyenggaraan. Satu senarai semakan telah diedarkan kepada tiga responden yang telah dipilih. Oleh kerana kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif dan kuantitatif maka data-data yang telah dianalisis dipersembahkan dalam bentuk carta, jadual dan huraian. Daripada kajian, secara keseluruhannya didapati ketiga-tiga bangunan yang dipilih berjaya melaksanakan penyenggaraan dan juga telah mematuhi peruntukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984.

## **ABSTRACT**

Fire risks will cause a lot of suffering to its victim due to loss property or face an injury and sometime dead. Fire safety requirement are the most of the important things must be consider in minimizing the fire risks. One of the fire safety requirements is means of escape. This research attempts to find either means of escape maintenance succeed or not and also to find either the means of escape obey the rules of Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 and able to function. These scope of the research are focus on the multi – story office building located in Johor Bahru area. The literature review for this research is cover all aspects related to means of escape and its maintenance. An observation checklist and structure interview has been distributed to three chosen respondent. Due to research are base on qualitative and quantitative, therefore findings of the analysis are shows in chart, table and some explanation. As a result from the research shows that generally each respondent success to maintain all the means of escape components. The means of escape also obey the rules of Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984.